



Sumbangan Islam Terhadap Kemakmuran Masyarakat Melayu Melalui Manuskrip Melayu-jawi

Dr. Mahayudin Bin Haji Yahaya

ABSTRAK



Manuskrip Melayu – Jawi (MMJ) Merupakan objek seni yang indah sebagai warisan sosiobudaya masyarakat Melayu-Islam. Khazanah ini perlu diselenggara dan dikaji supaya tidak hilang dalam arus pembangunan sains dan teknologi. Oleh itu, suatu perancangan perlu dilakukan bagi memastikan tujuan tersebut tercapai.

SOSIOBUDAYA



SOSIOBUDAYA: Merupakan khazanah negara yang dikongsi bersama oleh seluruh anggota masyarakat melalui pengalaman sejarah dari segi Bahasa, kepercayaan agama, pemikiran, undang-undang, kesenian dan adat resam.

Masyarakat

Sosiobudaya



Perbandaran

Kemakmuran

MANUSKRIP MELAYU-JAWI (MMJ)



MMJ mencerminkan sosiobudaya dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam bertunjangkan akidah, syari'ah dan akhlak, serta nilai-nilai murni tempatan ('uruf) yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

SUMBER MMJ



Sumber MMJ ialah kitab-kitab Arab yang dibawa para pendakwah ke rantau ini bagi menyebarkan ajaran Islam.

TULISAN JAWI



Hasil pengaruh abjad Arab ا – ي dan ditambah dengan abjad Parsi (ح – ف – غ – خ) maka terhasil lah tulisan Jawi. Tulisan Jawi diperluaskan penggunaannya sehingga menjadi Bahasa linguafranka dan Bahasa ilmu di rantau Asia Tenggara.

PENGARUH BAHASA



Pada zaman kegemilangan Islam di Asia Tenggara Bahasa Melayu merupakan Bahasa komunikasi dan penulisan kitab-kitab agama yang difahami oleh seluruh penduduk Nusantara. Dalam proses menghasilkan MMJ, terdapat beberapa perkataan/istilah yang dipinjam dari kata Bahasa Arab, seperti ‘kertas’ (Arab: qirtas), ‘dakwat’ (Arab: dawat) dan ‘pena’ (Arab: Qalam).

TRADISI PENULISAN



Tradisi penulisan manuskrip Melayu-Jawi bermula sejak kedatangan Islam. Pihak pemerintah Islam (e.g Kerajaan Perlak, Samudera-Pasai, Aceh, Melaka, Brunei Darussalam, Riau dan lain-lain sentiasa memberi galakan serta menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan oleh para penulis untuk menghasil dan menyebarkan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat.

BIDANG ILMU



Di antara bidang ilmu yang terdapat di dalam manuskrip Melayu-Jawi ialah bidang tauhid, fikah dan tasawuf/akhlak. Ada kalanya bidang tasawuf digabungkan dengan falsafah yang dikenali sebagai ‘tasawuf-falsafah’ (ilmu tasawuf dibicara mengikut kaedah ilmu falsafah), malah ia menjadi suatu aliran pemikiran yang formal di rantau ini, khususnya di Aceh pada abad ke-16M. Justeru, lahir beberapa orang intelek Melayu yang kreatif dan berpotensi seperti Hamzah Fansuri yang membicarakan secara meluas konsep ‘wujudiyah’ (wahdah al-wujud) iaitu salah satu cabang ilmu tasawuf-falsafah pada ketika itu, dan tokoh ulama ini mendapat perhatian meluas dalam kalangan pengkaji MMJ.

MMJ MENJADI RUJUKAN



MMJ telah dijadikan bahan rujukan utama oleh para pengkaji mengenai Islam di Asia Tenggara kerana hampir keseluruhan bidang keilmuan Islam yang tersebar di rantau ini seperti tauhid, fikah dan tasawuf/akhlak serta cabang-cabangnya ditulis dalam Bahasa Melayu-Jawi.

MMJ yang berada di seluruh dunia dianggarkan sekitar antara 4,000 – 10,000 buah. Di Asia Tenggara sahaja dianggarkan berjumlah sekitar 2,500 buah. Jumlah ini tidak termasuk manuskrip-manuskrip yang tidak di rekod atau dikatalog.

FUNGSI MMJ



MMJ mempunyai dwi fungsi:

1. Menjadi sumber ilmu dan kemakmuran negara
2. Memperkenalkan dunia Melayu sebagai wadah perjuangan umat Islam di rantau Asia Tenggara dan sekali gus memperkenalkan kebudayaan masyarakat Melayu-Islam kepada dunia.

Masyarakat Melayu-Islam mempunyai keistimewaannya yang tersendiri yang tidak terdapat dalam masyarakat-masyarakat Islam yang lain di rantau ini. Sepertimana yang digambarkan di dalam manuskrip Jawi bahawa masyarakat Melayu telah diperkayakan oleh tiga kebudayaan iaitu kebudayaan Melayu, Kebudayaan Arab dan Kebudayaan Islam. Gabungan dari tiga kebudayaan ini menyebabkan umat Melayu menjadi bangsa yang maju dan makmur ('umrani) sebelum kedatangan Portugis, Belanda dan British.

Ulama Melayu Nusantara



- ‘Abdullah Arif pengarang kitab Bahr al-Lahut (Abad 12 Masihi)
- Nur al-Din al-Raniri, pengarang kitab Sirat al-Mustaqim dan ‘Umdah al-Muhtajin
- ‘Abd al-Rauf Singkel, pengarang kitab Sair al-Salikin
- Abd al-Samad al-Falimbani, pengarang Bidayah al-Hidayah
- Hamzah al-Fansuri, pengarang kitab Sharab al- ‘Ashikin dan al-Muntahi
- Syamsudin bin Abdullah al-Sumaterani, pengarang kitab Jawhar al-Haqa’iq dan Sharh Ruba’I Hamzah Fansuri
- Abd Ra’uf bin Ali al-Fansuri al-Singkili, pengarang kitab ‘Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin dan kitab Kifayah al-Muhtajin.
- Abd al-Samad bin ‘Abdullah al-Falimbani, Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-Alamin (terjemahan dari kitab Lubab Ihya’ ‘Ulum al-Din oleh Imam al-Ghazali.
- Muhammad Nafis al-Banjari, pengarang kitab al-Durr al-Nafis.
- Daud bin Abdullah al-Fatani, pengarang kitab Furu’ al-Masa’il, Fath al-Manan, Bughyat at-Tullab (kitab Fikah) dan Manahij

ABDULLAH ARIF



‘Abdullah ‘Arif sezaman dengan Syeikh Ismail dan Faqir yang mengislamkan Merah Silu (Malik al-Salih) Sultan Kerajaan Samudra-Pasai pada abad ke-13M, pengarang kitab Bahr al-Lahut. Kitab Bahr al-Lahut ditulis dalam Bahasa Arab dan setelah itu diterjemah ke Bahasa Melayu.

KESIMPULAN



1. Kemunculan manuskrip Melayu-Jawi di rantau ini telah membuktikan kesinambungan sosiobudaya masyarakat Arab-Islam sejak abad ke-12M berdasarkan ketibaan kitab Bahr al-Lahut karangan Abdullah 'Arif di rantau Alam-Melayu pada tarikh tersebut atau lebih awal dari itu sejak penubuhan kerajaan Islam Perlak pada abad ke-9M. Dengan kewujudan pertalian sejarah yang begitu lama menyebabkan sosiobudaya masyarakat Arab-Islam menjadi dominan di rantau ini termasuk penghasilan manuskrip Melayu-Jawi yang dikatakan mencecah 10,000 judul.
2. Bidang agama (akidah, syari'ah dan tasawuf/akhlak) merupakan bidang kajian manuskrip Melayu/Jawi utama.

SARANAN



Bagi mengembalikan kemakmuran masyarakat Melayu-Islam di negara ini, disarankan supaya:

1. Penubuhan 'Balai Warisan Ilmu Islam (BAWII). Di antara fungsi BAWII memulih, memelihara, mengkaji, menterjemah, menerbitkan manuskrip Melayu bagi tujuan pendedahan dan pembudayaan manuskrip Melayu, khususnya yang berhubungkait dengan aspek akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, dan mazhab Syafi'i yang menjadi pegangan hidup masyarakat Islam di negara ini. Tujuan lain ialah untuk menyekat pengaruh asing dan ajaran sesat yang dibawa masuk ke negara ini.

2. MMJ dipelajari, difahami, dihayati dan dibudaya. Dengan cara ini warisan Islam akan terus terpelihara. Visi dan misi ini akan menjadi kenyataan apabila terlaksananya penubuhan BAWII. Melalui BAWII, in sha Allah, kajian terhadap manuskrip-manuskrip tersebut akan dapat dilaksanakan dan sekaligus memperkayakan lagi khazanah ilmu Islam dan seterusnya menjadi penyumbang kepada kemakmuran masyarakat Melayu-Islam di rantau ini.

جزاك الله خيرا

TERIMA KASIH